

01 JUL 2003

MAHATHIR-DINAR/I

DINAR EMAS TIDAK MUNGKIN DIGUNA DENGAN SEGERA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah mustahil untuk melihat negara-negara dunia menggunakan dinar emas untuk perdagangan dalam masa yang singkat.

"Pada masa ini, penggunaan mata wang seperti dolar Amerika atau euro atau yen perlu diteruskan.

"Tetapi negara-negara secara berpasangan boleh memulakan penggunaan emas dalam bentuk dinar emas untuk menyelesaikan baki pembayaran mereka. Adalah mungkin untuk kemudiannya melibatkan sekumpulan negara-negara," kata beliau.

Semasa berucap merasmikan Konvensyen Antarabangsa Dinar Emas sebagai Mata Wang Antarabangsa Alternatif di sini, Dr Mahathir mengulangi saranan beliau supaya penggunaan emas dalam perdagangan antarabangsa dan tambatan mata wang tempatan.

Perdana Menteri berkata perjanjian pembayaran dua hala kepada sistem berasaskan emas boleh digunakan dengan menyelesaikan baki perdagangan dalam emas sebagai ganti mata wang asing.

"Tetapi ini boleh menjadi suatu yang menyukarkan. Adalah lebih mudah bagi nota debit dan kredit dibuat mengikut nilai emas. Sekiranya perlu, hanya emas sahaja yang dipindahkan," kata Dr Mahathir.

Jika tidak, beliau berkata logam akan dikenakan disimpan di bank pusat dalam bentuk jongkong atau wang syiling untuk suatu ketulenan dan nilai tertentu, bagi menyokong nilai defisit dalamimbangan dagangan.

"Dalam sesebuah negara, wang kertas masih boleh digunakan dengan wang ditambah berbanding emas pada kadar yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

"Tetapi pihak berkuasa perlu memberi jaminan bahawa emas boleh dibeli daripada Perbendaharaan pada kadar yang ditetapkan," kata Dr Mahathir. --

Dr Mahathir berkata kelebihan menggunakan emas ialah harganya lebih stabil berbanding mata wang seperti dolar Amerika yang baru-baru ini mengalami penurunan sebanyak 30 peratus berbanding euro.

"Ia (dolar AS) boleh terus mengalami penurunan nilai. Tetapi emas tidak boleh mengalami penurunan nilai dengan begitu banyak kerana ia adalah logam yang boleh digunakan untuk tujuan lain selain syiling.

"Turun naik harga emas dalam mana-mana mata wang akan agak terhad. Dengan itu, emas merupakan mata wang yang lebih stabil," katanya.

Beralih kepada perjanjian pembayaran dua hala (BPA) berasaskan emas, Perdana Menteri berkata faedahnya kepada pedagang dan ahli perniagaan agak jelas.

Dengan menukar risiko komersial yang dikaitkan dengan perdagangan risiko negara, mekanisme sedemikian akan tentunya membolehkan pedagang menembusi pasaran bukan tradisional yang baru dengan lebih keyakinan, kata beliau.

Proses BPA juga akan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dengan tidak memerlukan bank mengesahkan surat kredit.

"Di peringkat negara, mekanisme BPA berasaskan emas akan membantu mempelbagai pasaran eksport dan mengelak pengantungan yang lebih terhadap pasaran eksport tradisional.

"Dalam proses berkenaan, kita boleh mengurangkan penggantungan yang lebih terhadap mata wang asing dalam perdagangan antarabangsa," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAD TJK NHD

